

# UMS diminta kaji punca kemerosotan

Oleh Aghad Hussin

**SEMPORNA:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta membuat kajian menyeluruh mengenai prestasi punca prestasi rendah keputusan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di Daerah Semporna.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, meskipun Jabatan Pendidikan boleh melakukan tugas itu namun tidak ada salahnya pihak luar diminta melaksanakan pemantauan serta kajian sebagai pandangan kedua untuk mencari faktor yang akan dapat membantu menyelesaikan perkara itu.

Katanya, beberapa buah sekolah rendah dan menengah baru akan dibina di Semporna bagi meningkatkan lagi tahap pendidikan di daerah itu.

"Hari ini saya masih tidak berpuas hati dengan pencapaian prestasi keputusan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM di daerah ini yang amat rendah dan ia ya perlu ditangani segera bagi meningkatkan lagi mutu pelajaran di Sabah khususnya di daerah ini," katanya selepas menghadiri Taklimat Tertutup

Pegawai Pendidikan Daerah di sini.

Beliau menambah, kajian menyeluruh itu perlu dilakukan untuk mencari pendekatan terbaik membantu pelajar-pelajar di peringkat rendah dan menengah di kawasan-kawasan luar bandar.

Daerah Semporna kini mempunyai 22,585 orang pelajar dengan 48 buah sekolah termasuk 40 buah sekolah rendah (termasuk sebuah SRJK); enam buah sekolah menengah dan sebuah sekolah menengah agama.

Tan Sri Musa yang sedang dalam rangka lawatan rasmi ke daerah Semporna melakukan tinjauan dan lawatan ke SMK Abdullah, SK Bangau-Bangau, SK Larapan, SMK Pulau Bum-Bum, meninjau tapak sekolah Berpusat SK Bum-Bum dan Pusat Kraftangan Kampung Kabimbangan.

Turut mengiringi lawatan itu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Nasir Tun Sakaran, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie Apdal dan Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Jamal D.E. Quadra, pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri dan persekutuan.

Khamis 26.09.2002 Borneo Mail